

Kes bunuh Nurul Asikin: Tarikh baharu sebutan kes ditetapkan 24 April

KUCHING: Pemandu e-hailing, Zakwan Mokhtar, 23, yang didakwa membunuh Nurul Asikin Lan akan terus ditahan di Penjara Puncak Borneo selepas Mahkamah Majistret di sini menetapkan 24 April depan sebagai tarikh baharu sebutan kes.

Majistret Syarifah Fatimah Azura Wan Ali menetapkan demikian selepas Timbalan Pendakwa Raya Jean Siew Chung Hwei memaklumkan kepada mahkamah bahawa laporan asid deoksiribonukleik (DNA) dan laporan bedah siasat masih belum diperolehi.

Zakwan tidak ditawarkan sebarang jaminan sejak didakwa pada 24 Disember 2024 mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Mengikut pertuduhan, Zakwan didakwa melakukan pembunuhan sehingga menyebabkan kematian terhadap wanita berusia 28 tahun itu di longkang sebelah Jalan Setia Raja, Tabuan, di sini pada 14 Disember 2024, sekitar jam 9.10 malam.

Sabit kesalahan, boleh dijatuhi hukuman mati atau penjara tidak kurang daripada 30 tahun dan tidak melebihi 40 tahun dan jika tidak dikenakan hukuman mati, boleh disebut dengan tidak



TERUS DITAHAN: Zakwan (dua kanan) diiring polis keluar dari kamar mahkamah selesai sebutan kes semalam.

kurang daripada 12 sebatan.

Media terdahulu melaporkan seorang wanita dilaporkan hilang selama 10 hari sejak 5 Disember 2024, sebelum mayatnya ditemui di Jalan Setia Raja di sini pada 14 Disember 2024.

Wanita itu dikatakan terakhir dilihat oleh ahli keluarga sejak berjumpa dengan seorang lelaki yang

baru dikenali dan juga merupakan lelaki warga tempatan.

Pada 18 Disember 2024, Ketua Polis Daerah Kuching ACP Mohd Farhan Lee Abdullah menerusi kenyataan telah mengesahkan identiti mayat wanita yang dijumpai tersebut sebagai Nurul Asikin Lan, susulan hasil laporan DNA.

Pada tarikh sama juga, Pesuruhjaya Polis Sarawak Dato Mancha Ata mendedahkan bahawa pembunuhan wanita itu bermotifkan hendak mengambil barangan kemas mangsa iaitu gelang tangan dan anting-anting emas untuk digadaikan bagi menampung perbelanjaan menyaksikan perlawanan bola sepak.